

Beli hamper bantu pesakit buah pinggang

HASIL jualan setiap hamper ini akan disumbangkan kepada 1,550 pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan.



YAYASAN Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) meraikan Tahun Baru Cina bersama seleksi hamper menarik yang ditawarkan kepada orang ramai.

Menerusi pembelian hamper tersebut, orang awam secara tidak langsung membantu inisiatif NKF bagi mengumpul dana buat 1,550 pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan di 28 pusat dialisis seluruh negara.

Hamper yang ditawarkan

disediakan dalam dua saiz iaitu A dan B. Saiz A merangkumi biskut pandan *sable* 270 gram (g), biskut *double* cip coklat (200g), badam *awesome* (250g), jem cili tomato (200g), biskut walnut (170g), jem pir (200g), kordial serai pandan (410g), rempah campur (200g) dan jus *sparkling* (750 mililiter). Ia dijual pada harga RM258.

Sementara hamper saiz B yang berharga RM358 pula mengandungi biskut pandan *sable* (270g), biskut *double* cip coklat (200g), badam *awesome* (250g), jem cili tomato (200g), kacang campur panggang (120g), biskut walnut (170g), kordial serai pandan (410g), kek buah suji tradisional, rempah campur (200g) dan jus *sparkling* (750 mililiter).

Setiap item dalam hamper tersebut mempunyai rasa dan tekstur yang menarik. Kandungan gula dalam setiap makanannya juga rendah, sekali gus menjadikan ia sesuai untuk diberi kepada keluarga, saudara-mara dan sahabat handai.

Mula dijual pada awal Januari lalu

sehingga penghujung bulan ini, mereka yang berminat membeli hamper tersebut boleh melayari laman web NKF (www.nkf.org.my) dan memuat turun borang tempahan.

Pembayaran pembelian boleh dibuat menerusi kad kredit, cek atau wang pos termasuk tunai melalui deposit atau pindahan perbankan dalam talian. Bukti pembayaran perlu disertakan bersama borang tempahan yang lengkap dan dikembalikan menerusi faks **03-7954 0535** atau e-mel kepada fundraising@nkf.org.my.

Sebarang pertanyaan tentang pembelian hamper tersebut, hubungi wakil NKF, Jeremy Kwan dengan menghantar e-mel atau menghubungi talian **03-7954 9048** (sambungan 208) atau **017-375 5998**.

Para pembeli akan dimaklumkan apabila hamper sedia untuk diambil di pejabat sekretariat NKF yang terletak di Seksyen 14, Petaling Jaya, Selangor. Penghantaran ke rumah atau pejabat juga boleh dilakukan dengan caj tambahan.